

25 OGOS 2017

## Sembilan warga asing ditahan, ganja RM100,000 dirampas

### Sembilan warga asing ditahan, ganja RM100,000 dirampas

**KUALA LUMPUR 24 Ogos** - Sasar pelajar kolej sebagai pelanggan.

Itulah konsep jualan satu sindiket pengedaran dadah warga asing yang hidup mewah walaupun tidak bekerja ketika berada di negara ini.

Bagaimanapun, kegiatan sindiket ini terbongkar selepas sembilan warga asing terdiri daripada lapan lelaki Nigeria dan seorang wanita Uganda ditahan Pasukan Khas Taktikal dan Perisikan Narkotik (Sting) dalam tiga serbuan di ibu negara pada Isnin lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Datuk Kang Chez Chiang berkata, hasil serbuan yang dilakukan bermula pukul 7 malam di Seri Kembangan dan Petaling Jaya, Selangor dan Sungai Besi di sini turut menemukan sejumlah ganja bernilai RM100,000.

Menurut beliau, dalam ser-

buan pertama, pihaknya telah menahan seorang pelajar warga Nigeria di sebuah apartment di Seri Kembangan dekat sini.

Jelasnya, ketika ditahan, pelajar berusia 36 tahun ini tinggal seorang diri dan hasil pemeriksaan lanjut mendapati terdapat dadah disyaki ganja seberat 24.5 kilogram yang diletakkan di dalam dua buah beg.

"Susulan penahanan itu telah membawa kita kepada tangkapan tujuh lelaki warga Nigeria yang mana dua daripada mereka merupakan bekas pelajar kolej tempat suspek pertama belajar dan seorang wanita warga Uganda di Petaling Jaya dan Sungai Besi dipercayai mempunyai kaitan antara satu sama lain.

"Hasil Siasatan awal juga, kita tidak menolak kemungkinan bahawa dadah ini dibawa 'masuk' ke kolej terbabit tetapi urusan jualannya dibuat di luar kolej,"

katanya dalam sidang akhbar di Bukit Aman di sini hari ini.

Mengulas lebih lanjut, Chez Chiang memberitahu sindiket yang bergerak aktif sejak enam bulan lalu ini juga dikatakan menggunakan *modus operandi* dengan mendapatkan bekalan dadah dari negara jiran sebelum membawa masuk ke dalam negara sebelum disorokkan di kediaman mereka.

"Kemudian, ahli-ahli sindiket ini akan mencari pembeli dan menjual mengikut permintaan dan sasaran mereka terutamanya adalah pelajar kolej.

"Selain itu, kita masih menyiasat peranan wanita warga Uganda yang ditahan kerana dia ditangkap ketika bersama-sama suspek. Kesemua suspek berusia lingkungan 25 hingga 42 tahun kini direman tujuh hari bagi siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," ujarnya.